Research area was situated in the old area of Melaka which was gazetted under Conservation Area of Melaka City Council. Case studies are selected from Early Shop Houses in this area. There are 291 Early Shop Houses in the research area and 112 of them are in the high category. High category is described as buildings which still maintained the original style and layout of the Early Shop Houses. Out of those, 36 shop houses were selected as case studies. The result shows that although the shop houses were classified under the same style that is Early Shop Houses, they still possess different site typology, facade typology and plan typology. They were built individually, on different sites and comprised four different façade typologies and two different plan typologies. In conclusion, for any conservation work towards the Early Shop Houses, the task should be handled individually and the overall concept of typology should be taken into account because the work does not only involve the architectural conservation but also deals with the preservation of historical and cultural aspects.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pelbagai jenis bangunan telah wujud di bandar-bandar di Malaysia sejak dari zaman penjajahan sehinggalah Malaysia mencapai kemerdekaan. Di antaranya adalah bangunan rumah kedai yang menjadi mercu tanda awal di kebanyakan bandar yang pesat membangun. Bangunan rumah kedai ini lahir dari gabungan intelektual, kreativiti dan kebolehan fizikal tukang - tukang pada waktu tersebut (Chen, V.F, 1991). Ia adalah hasil daripada sistem sosial, pengaruh ekonomi, pengaruh politik, percampuran budaya serta faktor teknologi dan olahan cuaca. Hasil senibina pada waktu itu dengan sendirinya melambangkan *spirit of times* atau jiwa sezaman dan *spirit of place* atau jiwa setempat (Mohamad Tajuddin Rasdi, 2001).

Pada masa kini rumah-rumah kedai lama ini sering diancam oleh kemajuan pembangunan bandar (urban renewal). Di antara kemajuan pembangunan bandar tersebut termasuklah penukaran imej bangunan dan pengubahan fabrik bandar yang telah memusnahkan banyak bangunan-bangunan bersejarah. Peningkatan nilai hartanah pula telah menyebabkan pemilik-pemilik hartanah berusaha memusnahkan bangunan-bangunan lama dan menggantikannya dengan bangunan baru bagi mengaut keuntungan dan bagi memenuhi nilai-nilai komersial. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan akan mengakibatkan pelupusan dan kehilangan dari segi sejarah, budaya dan warisan senibina (Shuhana Shamsuddin, 2002).

Akta Kawalan Sewa 1966 menggariskan bahawa bangunan yang dibina sebelum 31 Januari 1948 tidak boleh mengenakan sewa yang tinggi. Tetapi dengan temansuhnya Akta Kawalan Sewa 1966 ini juga memberi tamparan

hebat kepada bangunan-bangunan lama ini. Walaupun pada dasarnya kewujudan akta tersebut memberi implikasi negatif terhadap usaha pemaju hartanah di pusat-pusat bandar, namun ketiadaannya juga memberikan kesan yang sama terhadap langkah pemeliharaan bangunan yang mempunyai nilai sejarah. Kesan pemansuhan tersebut telah memberi peluang besar kepada pemilik hartanah untuk merobohkan bangunan mereka dan menggantikannya dengan bangunan baru yang dianggap lebih menguntungkan mereka (Syed Zainol Abidin Idid, 1995).


## **1.2 Isu Dan Permasalahan Kajian**

Penyelidik telah memilih kawasan pusat bandar Melaka sebagai kawasan kajian. Kawasan pusat bandar Melaka yang merupakan kawasan pertempatan tersusun yang terawal tidak terkecuali daripada himpitan masalah pembangunan ini. Kawasan di sekitar yang sedang giat membangun menyebabkan kawasan kajian mengalami tekanan.


Deretan rumah kedai lamanya yang merupakan bangunan-bangunan terawal didirikan banyak yang terancam dan dibiarkan usang. Kebanyakan bangunan yang usang ini adalah terdiri daripada rumah kedai milik individu yang disewakan. Penyewa tidak berminat untuk memelihara bangunan yang disewa kerana tidak mempunyai sebarang kepentingan keatas bangunan tersebut. Terdapat segelintir pemilik yang tidak mahu langsung menyewakan bangunan mereka tetapi membiarkannya usang tanpa penjagaan yang sempurna (rujuk gf 1.1).

Terdapat beberapa rumah kedai yang telah terbakar tetapi pemilik tidak menjalankan sebarang kerja baikpulih terhadap bangunan tersebut (rujuk gf 1.2). Terdapat juga pemilik yang merobohkan bangunan rumah kedai milik

mereka setelah mendapati bangunan tersebut tidak selamat lagi untuk diduduki. Keadaan sebegini memburukkan lagi imej deretan bangunan-bangunan tersebut.



**Gf 1.1 : Bangunan Usang Yang Terblar (Jalan Bendahara), 2007**



**Gf 1.2 : Rumah Kedai Yang Terbakar Yang Dibiarkan Begitu Sahaja (Jalan Laksamana), 2006**

Di antara kes yang dilaporkan oleh akhbar tempatan mengenai kegiatan merobohkan bangunan lama oleh pemilik adalah terhadap empat buah rumah kedai lama di Jalan Hang Jebat (Jongker Street). Bangunan-bangunan tersebut telah dirobuhkan sewaktu kerajaan Negeri Melaka sedang berusaha untuk meletakkan Melaka dalam senarai warisan dunia (The New Straits Times, 2002). Walaupun deretan rumah kedai tersebut telah disenaraikan sebagai bangunan bersejarah yang harus dilindungi dan terletak pula dalam zon utama pemeliharaan, namun pemilik tidak mengindahkan status tersebut. Pemilik tetap merobohkan bangunan milik mereka dan bercadang untuk mendirikan hotel di kawasan tersebut.

Dalam kenyataan balas yang dibuat oleh salah seorang daripada pemilik bangunan yang dirobuhkan, mereka menyatakan bahawa cadangan untuk membangunkan semula rumah kedai itu adalah mengikut rekabentuk asalnya (The Star, 2002). Walau bagaimanapun, Ketua Menteri Melaka pula menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Melaka akan mengambil alih lot tersebut bagi membina sebuah muzium kerana pemilik telah melanggar undang-undang yang telah ditetapkan (The New Straits Times, 2002). Ini adalah di antara perkara yang tidak seharusnya berlaku kerana bangunan rumah kedai lama yang seharusnya dilindungi dan dipelihara, dirobuhkan. Ternyata bahawa pemilik bangunan tersebut tidak menghormati undang-undang yang telah dibuat oleh kerajaan. Tindakan kerajaan untuk mengambil alih lot tersebut juga tidak harus dipertikaikan kerana ia dilakukan mengikut Kanun Tanah Negara (The Star, 2002).

Pemilik bangunan berkenaan seterusnya didakwa mengikut Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Pindaan 2001) yang telah dikuat kuasakan mulai bulan Februari 2002 dan Enekmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya, 1988 (Berita Harian, 2002). Menurut Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Pindaan 2001), denda yang dikenakan adalah RM 500,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali manakala menurut Enekmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya, 1988, pemilik bangunan akan didenda RM10,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali. Denda akan tetap dibayar oleh pemilik premis tetapi negara kehilangan bangunan yang menjadi warisan buat selama-lamanya. Tindakan merobohkan bangunan-bangunan lama yang mempunyai nilai sejarah dan senibina ini telah menghakis imej yang ada pada bandar Melaka. Lebih mendukacitakan apabila tapak bangunan tersebut dibiarkan kosong sehingga kini tanpa sebarang tindakan untuk memajukannya (rujuk gf 1.3).



**Gf 1.3 : Tapak Rumah Kedai Di Jalan Hang Jebat Yang Dirobohkan Tidak Dibangunkan Sehingga Kini, 2007**



Selain daripada dirobohkan, rumah kedai lama ini juga telah melalui pelbagai fasa perubahan dari segi fasad bangunan dan tatatur ruang dalamnya. Pemindahan hak milik sejak dari era penjajahan Belanda sehingga kini telah menyebabkan lot rumah kedai tersebut dipecahkan menjadi lot-lot yang lebih kecil. Menjelang tahun 1900, rumah-rumah kedai ini telah diberi nombor-nombor baru akibat dari pembahagian tanah kepada lot-lot yang lebih kecil ini.

Susunatur ruang dalaman telah diubahsuai mengikut citarasa, kemampuan, kesanggupan dan kerelaan pemilik. Perkara ini secara tidak langsung memberi kesan yang mendalam terhadap perubahan gaya hidup, budaya dan sistem sosial yang telah sekian lama terbina. Susunatur ruang dalaman ini seharusnya dikekalkan dan tidak diubahsuai dengan sewenang-wenangnya supaya generasi akan datang dapat mempelajari aspek gaya hidup dan budaya masyarakat pada masa silam.

Menukar fungsi bangunan daripada rumah kediaman menjadi rumah kedai pula telah menyebabkan banyak perubahan dilakukan bukan sahaja kepada susunatur ruang dalaman tetapi juga kepada fasad bangunan rumah kedai tersebut. Fasad hadapan tingkat bawah rumah kedai ini adakalanya dirobohkan dan digantikan dengan bukaan yang lebih besar bagi membolehkan fungsi bangunan sebagai sebuah kedai dijalankan. Perubahan pada fasad dan tatatur ruang akan mencemarkan konsep rekaan asal bangunan itu (rujuk gf 1.4)




**Gf 1.4 : Dua Rumah Kedai Yang Digabungkan Di Jalan Hang Jebat,2007**

Dengan peredaran masa pula peranan rumah kedai turut berubah. Pemilik bangunan tidak lagi tinggal di rumah kedai mereka tetapi menyewakannya. Penyewa menjalankan aktiviti perniagaan di tingkat bawah manakala tingkat atas pula disewakan kepada orang lain. Selalunya ruang bahagian atas disekat untuk dijadikan bilik-bilik yang lebih kecil dan bilik-bilik ini disewakan pula kepada sesiapa yang berminat. Ini menyebabkan keadaan ruang dalaman menjadi sesak dan tahap kebersihan menjadi masalah utama.

Tuntutan dan kemajuan ekonomi pula telah menyebabkan wujudnya rumah-rumah kedai baru yang moden di celah-celah bangunan lama. Bangunan ini didirikan di atas tapak bangunan lama yang telah dirobohkan. Ia dilakukan bagi mendapatkan ruang perniagaan yang lebih luas, ruang yang lebih selesa dan gayarupa yang moden serta untuk mendapatkan pulangan dari segi sewa yang lebih tinggi. Bangunan baru yang dibina ini adakalanya tidak langsung mempertimbangkan ciri-ciri rekabentuk asal bangunan atau bangunan di sekitarnya dan ini mencacatkan keseluruhan gayarupa fasad bangunan. Pengubahsuaian yang dilakukan terhadap bangunan-bangunan

rumah kedai lama ini lebih dipengaruhi oleh 'trend' semasa terutamanya apabila ia melibatkan perubahan fasad hadapan sahaja. (rujuk gf 1.5, gf 1.6 dan gf 1.7).



**Gf 1.5 : Perubahan Pada Fasad Hadapan Rumah Kedai di Jalan Hang Jebat, 2007**



**Gf 1.6 : Perubahan Pada Fasad Hadapan Rumah Kedai di Jalan Hang Jebat, 2007**



**Gf 1.7 : Perubahan Pada Fasad Hadapan Rumah Kedai di Jalan Hang Jebat, 2007**

Pengubahsuaian atau pembinaan bangunan baru pula tidak langsung menghiraukan tentang skala, konteks, dan karektor bangunan sekeliling (rujuk gf 1.8). Kesenambungan rekabentuk di antara unit baru dan lama tidak dihiraukan. Ini menjadikan bangunan baru tersebut seolah-olah berdiri dengan sendirinya dan kelihatan janggal di persekitaran sendiri. Ketiadaan integrasi pembangunan terutamanya rekabentuk di antara bangunan moden dan lama ini mencacatkan identiti kawasan yang bersejarah ini. Akibatnya, keunikan bangunan-bangunan rumah kedai lama di bandar Melaka mulai hilang dan bandar Melaka telah dipaksa untuk menerima unsur-unsur rekaan baru yang kurang sesuai dan tidak harmoni.




**Gf 1.8 : Skala Yang Berbeza Pada Deretan Rumah Kedai di Jalan Tokong, 2007**

Penggunaan pelindung bayang (shading device) (rujuk gf 1.10) dalam pelbagai bentuk juga telah menyebabkan fasad bangunan ditutup sepenuhnya. Perletakkan papan iklan yang tidak terkawal juga menutup fasad hadapan rumah kedai (rujuk gf 1.9). Ketidakeragaman saiz dan ukuran papan iklan ini telah menyembunyikan keindahan senibina bangunan rumah kedai dan seterusnya mencacatkan pemandangan.



**Gf 1.9 : Penggunaan Papan Tanda Yang Tidak Dikawal Saiznya, Menutupi Fasad Bangunan, 2005**




**Gf 1.10 : Penggunaan Pelindung Bayang Yang Menutupi Keseluruhan Fasad Bangunan, 2007**

Meletakkan unit pendingin udara pada fasad hadapan tanpa memikirkan tentang gayarupa fasad juga banyak dapat dilihat pada rumah - rumah kedai di Melaka (rujuk gf 1.11). Kesan daripada perletakkan unit pendingin udara tanpa kawalan ini telah mencacatkan fasad bangunan tersebut.



**Gf 1.11 : Unit Pendingin Udara Di Tingkap Hadapan Rumah Kedai (Jalan Laksamana), 2006**

Fasad bangunan ada kalanya ditambah ketinggian ke tiga tingkat dan ini menyebabkan skala asal telah berubah dan ketinggian bangunan tidak lagi seragam (rujuk 1.12). Ada kalanya fasad hadapan dikekalkan dan tidak mengalami perubahan tetapi penambahan dilakukan pada bahagian belakang bangunan. Ketinggian bahagian belakang bangunan ditambah sehingga ke tiga tingkat (rujuk gf 1.13). Perubahan ini tidak ketara sekiranya kita melihat dari hadapan bangunan tetapi realitinya ruang dalaman telah diubahsuai secara menyeluruh dan ini telah mengubah karektor senibina bangunan tersebut. Secara tidak langsung juga dengan penambahan dan pengubahsuaian ini bahan binaan baru telah diperkenalkan.




**Gf1.12 : Penambahan Tingkat Pada Salah Sebuah Bangunan Di Jalan Tokong, 2007**

Penambahan ini juga sekiranya tidak ditangani oleh pihak profesional berpengalaman akan mengakibatkan struktur bangunan menjadi merbahaya. Perkara ini adalah di sebabkan oleh penambahan beban telah dikenakan

kepada struktur asal. Penambahan ketinggian ini juga akan menghalang pengaliran udara memasuki ruang dalaman bangunan. Kualiti pengudaraan rumah kedai lama yang bergantung sepenuhnya kepada telaga udara juga turut terjejas.

Elizabeth, V (2002) mengatakan bahawa 'trend' mengekalkan fasad ini dinamakan 'facadism' dan mula muncul di tahun 1980an dan merupakan 'trend' experimentasi oleh para arkitek. Fasad bangunan dikekalkan tetapi keseluruhan ruang dalaman telah diperbaharui. Bahayanya 'trend' ini adalah kerana tidak banyak projek sebegini yang benar-benar berjaya (Cheah, U. H, 2000).



**Gf 1.13 : Pandangan Belakang Salah Sebuah Rumah Kedai Di Lorong Hang Jebat, 2006**




Satu lagi masalah besar rumah kedai di Melaka ialah pemilik menjadikan rumah kedai itu sendiri sebagai tempat burung layang-layang membuat sarang. Kawasan yang dikenalpasti adalah di sekitar Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan Hang Jebat, Jalan Tengkeri dan sekitar kawasan Kampung Hulu. Tindakan menjadikan bangunan ini tempat bersarangnya burung layang-layang adalah disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap sarang burung tersebut dan ia menjadi bahan eksport ke Singapura, Hong Kong dan Negara China. Harganya yang mencecah RM11,000.00 sekilogram menyebabkan pemilik - pemilik bangunan sanggup menjadikan bangunan rumah kedai ini sebagai tempat burung membuat sarang (The New Straits Times, 2002).

Elizabeth Cardoso (2000) Pengarah Eksekutif Badan Warisan Malaysia menyatakan bahawa perbuatan menjadikan rumah kedai sebagai tempat burung layang-layang membuat sarang telah mengundang pencemaran bunyi, kotor dan menjadikan persekitaran yang mengancam kesihatan. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan akan menyebabkan kita kehilangan satu lagi warisan yang amat penting.

Disebabkan oleh ancaman-ancaman terhadap rumah kedai lama ini berterusan tanpa henti, pengkaji merasakan adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam mengenai subjek ini. Adalah dikhuatiri tanpa dokumentasi dan kajian tertentu, bangunan rumah kedai lama ini akan pupus dan akan menjadi sejarah. Usaha bagi mencegah pelupusan ini harus dipergiatkan agar nilai-nilai sejarah dan warisan senibina ini dapat dipertahankan. Pendokumentasian adalah salah satu cara untuk memastikan senibina rumah kedai ini terpelihara.

Walau bagaimanapun, terdapat juga usaha orang-orang perseorangan dan organisasi-organisasi tertentu yang bergiat dalam mempertahankan rumah-rumah kedai ini. Di antara bangunan yang telah direnovasi dan mengekalkan susunatur ruang dalamnya adalah bangunan No 8, Jalan Tun Tan Cheng Lock/Heeren Street (rujuk gf1.14). Bangunan ini adalah milik Kuil Cheng Hoon Teng dan kini menjadi model bagi kerja - kerja konservasi di Melaka. Bangunan ini telah dibina pada awal tahun 1700-an dan dibaik pulih dengan kos RM73,000 menerusi bantuan dana Kedutaan Amerika. Ia adalah usahasama di antara Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia dan Badan Warisan Malaysia di bawah Projek 'Ambassador's Fund For Cultural Preservation'.



**Gf 1.14 : No 8, Jalan Tun Tan Cheng Lock, 2004**

Kediaman Tham Siew Inn di No 49, Jalan Tun Tan Cheng Lock (rujuk 1.15) juga adalah di antara premis yang masih mengekalkan susunatur ruang dalaman terdahulu. Beliau yang merupakan seorang pelukis telah menjadikan premis ini studio lukisan dan kediaman beliau dan keluarga. Walaupun mengekalkan susunatur ruang dalaman asal namun beliau tidak menghadapi sebarang masalah untuk mengadaptasikan kehidupan moden di ruang-ruang kediaman tersebut. Tambah membanggakan apabila beliau turut menitiberatkan ruang halaman belakang rumah kedai tersebut sebagai taman yang dapat mengembalikan nostalgia taman dahulu dengan pilihan bunga yang cukup eksotik.



Gf 1.15 : No 49, Jalan Tun Tan Cheng Lock, 2005

### **1.3 Matlamat dan Objektif Kajian**

#### **1.3.1 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian ini adalah untuk menjelaskan bahawa dalam menangani isu-isu pemuliharaan di Malaysia, aspek tipologi bangunan

harus diambil kira secara menyeluruh dan terperinci. Aspek ini melibatkan kajian mengenai tipologi tapak, tipologi fasad dan tipologi pelan bangunan yang ingin dikaji. Dalam menjalankan sebarang kerja-kerja pemuliharaan Rumah Kedai Awal pula, tumpuan tidak harus diberikan hanya kepada fasad bangunan sahaja tetapi perlu juga mengambil kira susunatur ruang dalaman bangunan tersebut. Ini adalah kerana Rumah Kedai Awal ini dibina secara individu dan mempunyai pelan lantai yang berbeza-beza di antara satu sama lain. Selain daripada itu, kajian ini juga turut membuktikan kaitan diantara faktor sejarah, senibina dan budaya yang saling berkait dan tidak seharusnya diabaikan dalam menjalankan kerja-kerja konservasi. Ini adalah selaras dengan apa yang dinyatakan oleh David, G.S (1992) bahawa senibina adalah bukti sentuhan, penggabungan dan perubahan budaya serta bukti perubahan di dalam organisasi sosial, politik dan agama. Senibina juga berkait rapat dengan corak perlakuan (*behaviour pattern*) dan juga pandangan seagat (*world view*) yang merangkumi aspek kosmologi.

### 1.3.2 Objektif Kajian

Objektif kajian yang telah dikenalpasti bagi mencapai matlamat tersebut adalah seperti di bawah:

- i. Melihat hubungan di antara sejarah dan senibina dan bagaimana pengaruh politik mempengaruhi senibina di zamannya.
- ii. Mengklasifikasikan rumah-rumah kedai di kawasan kajian mengikut gayarupa fasadnya.

- iii. Mendokumentasikan rumah kedai yang dibina di era Belanda (1600an) dan mengklafikasikannya kepada tiga tahap utama itu tahap TINGGI, SEDERHANA dan RENDAH.
- iv. Mengkaji setiap bangunan yang berada di tahap TINGGI dengan penekanan diberikan kepada lokasinya (tapak), fasad dan susunatur ruang dalamnya (pelan).
- v. Mencari kelainan tipologi melalui tipologi tapak, tipologi fasad dan tipologi pelan bangunan yang dijadikan sampel bagi mengukuhkan hipotesis.
- vi. Hasil kajian akan memberi wawasan untuk penentusahan garis panduan yang digunapakai di Melaka agar kerja-kerja pemuliharaan dapat dijalankan dengan lebih teratur.

#### 1.4 Hipotesis Kajian

Sehingga kini belum terdapat sebarang kajian mengenai tipologi Rumah Kedai Awal era Belanda di Melaka yang dibuat secara intensif terutama sekali dalam meneliti perubahan yang telah berlaku pada susunatur ruang dalamnya. Oleh itu kajian ini adalah penting memandangkan senibina Rumah Kedai Awal di Melaka adalah yang terawal dibina di Malaysia. Kajian yang dijalankan ini seterusnya dilandaskan kepada hipotesis bahawa:

**“ Mempunyai gayarupa fasad yang sama tidak semestinya turut mempunyai susunatur ruang dalaman yang sama. Rumah Kedai Awal di Melaka dikenalpasti melalui gayarupa fasadnya yang sama, tetapi sebenarnya mempunyai susunatur ruang dalaman yang berbeza. Oleh itu dalam menjalankan kerja-kerja pemuliharaan terhadap Rumah Kedai Awal di Melaka ini, kita**

tidak seharusnya melihat kepada pengejalan fasad bangunan sahaja tetapi harus melihat kepada keseluruhan aspek tipologi terutamanya tipologi pelan. Ini adalah disebabkan oleh setiap bangunan Rumah Kedai Awal tersebut dibina secara individu dan bukannya dibina secara berkelompok”

## **1.5 Skop Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, kawasan kajian hanya akan meliputi kawasan yang telah diwartakan oleh Majlis Bandaraya Melaka Bandaraya Bersejarah sebagai kawasan sejarah iaitu di kawasan bandar Melaka lama. (Rujuk Peta 1.1)

Bangunan-bangunan kajian yang dipilih pula adalah Rumah Kedai Awal iaitu kategori rumah kedai yang paling awal dibina di Melaka. Ia dibina sewaktu pemerintahan Belanda, sekitar tahun 1600an.

## **1.6 Latar Belakang Kawasan Kajian**

Melaka dipilih kerana ia merupakan satu-satunya bandar yang mencatatkan sejarah perbandaran yang terpanjang di Malaysia. Selama lebih 600 tahun, Melaka telah menempuhi pelbagai fasa perbandaran secara berperingkat (T.F, Patricia, 1994)

Bermula dari perbandaran awalnya yang dibentuk oleh Parameswara, Melaka telah menerima adunan pelbagai budaya samada dari dalam maupun luar negara. Selain dari pedagang, budaya tersebut diserap dari penjajah yang datang silih berganti (Rosli Mohd Nor, 1998). Adunan ini telah menghasilkan sebuah perbandaran dengan persekitaran fizikal dan budayanya yang unik. (Shyhana Shamsuddin, 2002)

Kawasan tapak kajian pula merupakan pusat bandar lama Melaka dan telah diwartakan sebagai Zon Pemeliharaan Gred 1 dalam Rancangan Struktur Melaka Bandaraya Bersejarah. Kawasan ini juga merupakan Kawasan Pemeliharaan Majlis Bandaraya Melaka Bandaraya Bersejarah yang telah diwartakan di bawah Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Negeri Melaka 1988 (pengubahan 2001).

Kawasan pemeliharaan ini telah ditentukan berasaskan kepada beberapa kriteria yang membentuk kawasan tersebut seperti:

- i. Mempunyai bangunan-bangunan yang bernilai tinggi yang menjadi bukti kepada era peninggalan sejarah.
- ii. Kawasan perdagangan asal yang mempunyai bangunan-bangunan bernilai dan berkepentingan budaya yang tinggi.
- iii. Kawasan yang memberi sumbangan tinggi kepada imej bandar tradisional dan bersejarah.

Pada tahun 1988, kawasan tapak kajian ini telah diwartakan sebagai kawasan bersejarah dengan terbentuknya ***Conservation and Preservation of Cultural Heritage Enactment*** dan seterusnya telah diwartakan pula sebagai bandaraya bersejarah yang pertama di Malaysia pada tahun 1989.

(Rosli Mohd Nor, 1998)

### 1.6.1 Kawasan Kajian.

Kawasan kajian yang dimaksudkan di atas terdiri daripada 6 kawasan (rujuk peta 1.1) iaitu :

**a. Kawasan 1: Kawasan kompleks sejarah Bukit St Paul**

Jalan-jalan penting yang terdapat di kawasan ini termasuklah:

- i. Jalan Laksamana
- ii. Jalan Gereja
- iii. Jalan Kota
- iv. Lorong Gereja

**b. Kawasan 2**

- i. Jalan Tun Tan Cheng Lock (Heeren Street)

**c. Kawasan 3**

- i. Jalan Hang Jebat (Jonker Street)
- ii. Lorong Hang Jebat (1<sup>st</sup> Cross Street)
- iii. Jalan Hang Kasturi (2<sup>nd</sup> Cross Street)
- iv. Jalan Hang Lekiu (3<sup>rd</sup> Cross Street)
- v. Jalan Hang Lekir (4<sup>th</sup> Cross Street)

**d. Kawasan 4**

- i. Jalan Tukang Besi
- ii. Jalan Tukang Emas
- iii. Jalan Tokong




**e. Kawasan 5**

- i. Jalan Kampung Pantai
- ii. Jalan Kampung Hulu
- iii. Jalan Kampung Kuli
- iv. Lorong Masjid
- v. Lorong Jambatan

**f. Kawasan 6**

- i. Jalan Bunga Raya
- ii. Jalan Bendahara
- iii. Jalan Temenggong



**Peta 1.1 : Kawasan - Kawasan Kajian.**  
Sumber: Majlis Bandaraya Melaka Bandaraya Bersejarah

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Bangunan-bangunan rumah kedai lama yang terdapat di kawasan - kawasan di atas adalah begitu penting untuk dikaji dan hasil kajian adalah amat berguna bagi tujuan pemeliharaan.

### **1.7.1 Kepentingan kepada Pihak Berkuasa Tempatan**

Bangunan-bangunan rumah kedai lama ini lama kelamaan akan pupus dan akan digantikan dengan rumah-rumah kedai baru, oleh itu mendalami, mengkaji dan mendokumentasikan tipologi bangunan-bangunan ini adalah satu bentuk pemeliharaan kerana bangunan-bangunan lama ini tidak mungkin dapat dibina lagi sekarang di sebabkan oleh kaedah pembinaan yang berbeza. Peranan dokumentasi di dalam kerja pemeliharaan seperti yang dijalankan ini adalah sangat penting kerana daripada dokumentasilah sesebuah bangunan itu dapat dipulihkan dan dipelihara.

Dokumentasi tipologi yang dihasilkan adalah penting dan perlu ada dalam simpanan pihak penguasa tempatan. Hasil kajian pula akan dapat membantu pihak bertanggungjawab dalam membentuk polisi dan kawalan pembangunan seterusnya memantau usaha pengekalan bangunan - bangunan lama.

### **1.7.2 Kepentingan kepada bidang akademik (sejarah dan senibina)**

Rumah-rumah kedai lama yang terdapat di bandar Melaka adalah sangat penting untuk didokumentasikan menjadi dokumen sejarah seterusnya dikekalkan bagi memahami sejarah bandar tersebut (urban history). Ia adalah bukti kepada sesuatu era kerana dihasilkan

mengikuti keperluan teknologi, budaya dan ekonomi pada masa ia dibina. Melalui penyatuan budaya yang pelbagai di Melaka juga telah menyerlahkan suatu identiti senibina yang unik pada rumah-rumah kedai ini. Kenyataan ini adalah sesuatu yang sangat penting dalam bidang sejarah dan kajian mengenainya adalah penting kepada bidang akademik sebagai pendedahan ke arah penghayatan warisan dan khazanah negara.

#### **1.7.3 Kepentingan kepada para Arkitek dan Perancang Bandar**

Kajian ini adalah penting dalam memperluaskan ilmu mengenai perkaitan di antara sejarah dan senibina seterusnya menjadikan ia sebagai sumber inspirasi. Para Arkitek dan Perancang Bandar harus belajar dari senibina lampau, mengambil yang terbaik dan mempelajari dari kesilapan yang mungkin telah dilakukan oleh pereka terdahulu. Kajian analisis tipologi yang dijalankan juga adalah sumbangan yang penting kepada pemahaman terhadap evolusi senibina dan morfologi bandar.

#### **1.7.4 Kepentingan kepada industri pelancongan**

Bangunan-bangunan rumah kedai di Melaka mempunyai karektor-karektor yang unik dan boleh menarik pelancong datang untuk menikmati keunikan ini. Melaka juga mempunyai tarikan budaya yang pelbagai yang boleh dilihat secara langsung pada senibinanya, seperti pengaruh Portugis, pengaruh Belanda, pengaruh Cina, pengaruh India dan pengaruh Melayu.